

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

PROGRAM PEMANTAPAN AKADEMIK SUBJEK EKONOMI


Oleh: Dayang Hummida Binti Abang Abdul Rahman dan Nuzaihan Bin Majidi

Program Pemantapan Akademik Subjek Ekonomi merupakan sebuah program berunsur ilmiah yang mendedahkan pelajar dengan ilmu serta kemahiran yang menjurus kepada mengenali teori dan formula pengiraan di samping mengaplikasikannya dalam konsep ekonomi. Pendekatan program berkenaan yang menerapkan kaedah-kaedah bagi memantapkan tahap kefahaman dari segi teori dan pengiraan sememangnya berfaedah dalam membantu pelajar untuk mencapai target kelulusan yang cemerlang dalam peperiksaan pertengahan semester dan seterusnya peperiksaan akhir. Selain itu, program ini juga merupakan satu inisiatif fakulti dalam memperbaiki prestasi pelajar bagi subjek ekonomi sejajar dengan matlamat universiti untuk mencapai GOT – “Graduate on time”.



Pensyarah berpengalaman dari UiTM Kampus Kota Samarahan, iaitu Dr. Jelani dan Encik Huzaimi telah dijemput khas bagi memperluas pendekatan pelajar dalam menjawab soalan peperiksaan.

Program ini dijalankan sepanjang semester secara berperingkat iaitu, tiga sesi berasingan yang dikendalikan oleh Puan Dayang Hummida Binti Abang Abdul Rahman dan Encik Nuzaihan Bin Majidi selaku pensyarah Ekonomi di UiTM Kampus Mukah. Di samping itu, dua orang pensyarah yang berpengalaman dalam bidang ekonomi iaitu Dr. Jelani Bin Razali dan Encik Huzaimi Bin Hussain telah dijemput khas dari UiTM Kampus Kota Samarahan untuk mengendalikan satu sesi Klinik Akademik. Secara tidak langsung program ini mampu membuka minda pelajar tentang pentingnya ilmu teori dan pengiraan yang betul sebelum menduduki peperiksaan dan sebagai bekalan apabila mereka menceburi bidang kerjaya setelah bergraduat kelak.



Sesi bersama Puan Dayang Hummida dan Encik Nuzaihan memberikan pendedahan kepada para pelajar berkenaan kaedah-kaedah berkesan dalam menjawab soalan peperiksaan serta pembelajaran dalam kumpulan.

Setiap pecahan tajuk dalam kandungan pelajaran telah dikemukakan kepada pelajar dan kaedah “mock-examination” ini telah dikendalikan oleh Puan Dayang Hummida dan Encik Nuzaihan secara berperingkat sepanjang semester. Selain itu, kaedah pembelajaran secara berkumpulan turut diterapkan sepanjang program berlangsung kerana kaedah ini dipercayai dapat memudahkan para pelajar berkongsi ilmu pengetahuan secara terus. Bahkan, ianya dapat menolong rakan kumpulan mencapai pemahaman yang total. Kaedah ini digunakan untuk memastikan pelajar mempunyai persediaan secukupnya dalam menjawab kesemua soalan peperiksaan dengan betul dan tepat, bersesuaian dengan masa yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, Puan Dayang Hummida dan Encik Nuzaihan telah bergabung tenaga dalam memastikan pelajar didedahkan dengan teknik-teknik terbaik untuk menjawab soalan peperiksaan yang merangkumi pemahaman teori-teori asas, kebolehan penyelesaian masalah dan penulisan esei.

Di penghujung semester, pelajar telah diberi peluang mendengar serta memperoleh ilmu tambahan daripada pakar dalam bidang ekonomi dari UiTM Kampus Kota Samarahan iaitu Dr. Jelani dan Encik Huzaimi. Peluang keemasan ini tidak disia-siakan oleh pelajar bagi mendapatkan manfaat dari pensyarah yang berpengalaman sebelum menduduki peperiksaan akhir. Pelbagai tips dan kaedah cepat dan pantas dalam pengiraan telah dikongsikan kepada para pelajar dan semestinya peluang ini dapat memberi sejuta harapan kepada para pelajar untuk lulus subjek ekonomi dengan cemerlang. Secara tidak langsung, program ini juga dapat menyemai semangat belajar dalam kumpulan dan “peer revision” sebelum menjelang peperiksaan akhir. Malah, ianya telah membuka minda pelajar akan pentingnya memahami teori dan formula untuk menjawab soalan peperiksaan dengan tepat dan jitu.

Program Membina Kerangka Modul (MKM)

Oleh: Faizul Bin Adenan



Pada 25 Mac 2018, Kelab PEERS Kampus Mukah telah menjalankan aktiviti khas bagi merangka dan merancang modul-modul berkaitan untuk kegunaan masa hadapan. Program Membina Kerangka Modul (MKM) ini telah dihadiri oleh 35 orang ahli PEERS dan dijalankan secara *indoor* dan *outdoor*. Antara penekanan modul tersebut adalah modul berbentuk akademik, *teambuilding*, kepimpinan dan beberapa jenis modul yang lain. Program ini telah memberikan kesan positif kepada ahli kelab kerana mereka diberi peluang untuk mengemukakan seberapa banyak idea untuk dipraktikkan terus bagi menguji keberkesanan modul tersebut.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my